

“PERBANDINGAN KANDUNGAN SILABUS DAN PRESTASI KERJA
LULUSAN PELAJAR UKUR BAHAN UTM”

WONG CHEK HIENG

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL 2008

ABSTRAK

Semenjak Kursus Ukur Bahan ditawarkan di Universiti Teknologi Malaysia pada tahun 1972, tempoh kursus ini telah mengalami perubahan sebanyak dua kali, iaitu dari kursus integrasi 5 tahun diubah kepada kursus integrasi 4 tahun dan yang terkini kursus ijazah sarjana muda ukur bahan yang dijalankan selama 3 tahun. Perubahan tempoh kursus ini telah menimbulkan suara daripada pelbagai pihak dan ada yang menyoalkan prestasi kerja graduan kursus yang lebih pendek. Oleh itu, kajian ini telah dijalankan dengan objektif untuk mengenalpasti perbezaan kandungan silabus bagi kursus ukur bahan 5 tahun, 4 tahun dan 3 tahun, serta mengenalpasti prestasi kerja lulusan pelajar ukur bahan di dalam kerjaya berdasarkan tempoh kursus yang dijalani. Skop penyelidikan tertumpu kepada bekas pelajar ukur bahan program 3, 4 dan 5 tahun dan juga pihak majikan yang boleh memberi penilaian prestasi kerja terhadap mereka. Objektif penyelidikan ini telah dicapai dengan menganalisa maklum balas (melalui borang soalselidik yang dikirim) 42 orang responden. Kaedah analisis yang digunakan adalah analisis statistik frekuensi, analisis skala *Likert* berdasarkan min dan analisis secara indeks. Hasil analisis kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan kandungan silabus kursus ukur bahan. Manakala untuk aspek prestasi kerja, graduan ketiga-tiga kursus ukur bahan mempunyai tahap prestasi yang hampir. Antaranya, graduan kursus 5 tahun mempunyai prestasi kerja yang paling tinggi jika dibandingkan dengan graduan dua tempoh kursus yang lain. Akhirnya diharap penyelidikan ini dapat memberi manfaat kepada pembaca.

ABSTRACT

Since the introduction of Quantity Surveying course in University Technology Malaysia at year 1972, the duration of the course has been changed twice, from 5 years integrated course to 4 years integrated course to the one introduced recently, taking only 3 years. This change of duration in Quantity Surveying course has caused some opinions to rise and there were some questioning on the work performance of the students graduating from shorter duration course. Therefore, this research has been carried out with two objectives, to identify the difference in the syllabus content for courses of 5 years, 4 years and 3 years, and also to identify the work performance of the graduates based on the courses that they have undertaken. The scope of this research is focused to the Quantity Surveying graduates from UTM and employers who can provide evaluation on their work performance. The research objective is achieved by feedback analysis (questionnaires posted) received from 42 respondents. The methods of analysis used are statistic frequency analysis, Likert scale analysis based on mean score and index analysis. The result of this research shows that there are differences in the syllabus of course. While for the work performance, graduates from three courses show comparable working performances. Among all three courses, graduates from 5 years course have the highest work performance. Finally, the writer hopes that this research can give benefit to the reader.